LAILATUL QADAR RAHMAT ALLAH SWT KEPADA MANUSIA

"Sesunguhnya kami menurunkannya (al-Quran) pada malam al-Qadar. Dan apakah kamu tahu malam al-Qadar itu. Malam al-Qadar itu lebih baik dari seribu bulan. Turunlah para malaikat dan ruh (Jibril) ke bumi dengan izin Rabbnya untuk menjalankan segala urusan. Sejahteralah malam itu hingga terbit fajar."

Surah Al-Qadar : 1-5

Banyak sekali kelebihan-kelebihan yang Allah berikan kepada hambanya melalui Ramadhan ini, sehingga wajar kalau Rasulullah mengekspresikan keutamaannya dengan sabdanya :

"Apabila umat ini tahu apa yang ada dalam Ramadhan (baca: rahmat, barakah) niscaya mereka akan mengharapkan hal itu selama satu tahun penuh."

(HR. Tabrani)

Terdapat satu lagi peristiwa besar yang merupakan satu kelebihan Ramadhan ini, iaitu peristiwa turunnya al-Qur'an. Al-Qur'an yang ada di antara kita ini diturunkan oleh Allah ke 'sama al-dunya' (langit yang paling dekat dengan dunia) secara serentak pada malam 'lailatul

qadar' di bulan Ramadhan untuk kemudian diturunkan ke Rasulullah secara beransur-ansur sesuai dengan peristiwa yang terjadi. Kerana lailatul qadar inilah Rasulullah dalam banyak waktu sentiasa berusaha keras untuk mendapatkannya. Banyak penjelasan Rasulullah yang sampai kepada kita, tentang keutamaan-keutamaan malam yang penuh barakah ini. Sebagai malam yang terbaik dan paling barakah di antara malam yang ada, di dalamnya Allah telah menjanjikan pada hambanya yang ikhlas dan berharap untuk mendapatkan perlindungannya di hari akhirat, akan melipat gandakan sampai 1000 bulan (83 tahun 3 bulan) untuk amalan-amalan kebaikan yang dilakukan pada malam ini. Janji ini secara langsung Allah katakan dalam al-Qur'an surat al-Qadr (satu surat penuh). Hal ini tentunya cukup menunjukkan pada kita akan keutamaan malam al-qadar ini.

Kerana itulah, Ramadhan dengan lailatul qadarnya sebagai satu media yang mampu mengantarkan kita pada kesucian. Rasulullah, pada suatu ketika bersabda :

> *"Barang siapa beramal pada malam lailatul qadar dengan penuh keimanan dan mengharap pahala dari Allah, maka terampunilah dosa-dosanya yang telah lalu"*.

Tidak berlebihan memang, kalau Allah menamainya malam yang kebaikannya melebihi seribu bulan.

Betapa sombongnya manusia yang sangat memerlukan pengampunan dari Allah atas perbuatan-perbuatan mereka yang banyak menyimpang, apabila mereka menyia-nyiakan kesempatan emas yang bersifat tidak tentu lagi akan mereka mendapat kesempatan ini di masa-masa yang akan datang. Siapakah yang dapat menjamin bahawa usia kita akan sampai Ramadhan tahun-tahun yang akan datang. Oleh karena itu merupakan keharusan yang tidak mesti tidak bagi kita, untuk mengejarnya, sehingga janji-janji Allah yang telah ditaburkannya itu benar-benar mampu kita dapatkan.

Marilah Mencari Lailatul Qadar.

Mengenai bilakah malam itu datang menjemput kita?

1. Akhir Ramadhan

Telah disebutan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah ra tentang salah satu ciri datangnya malam Lailatul Qadar:

> *"Kami mengetahui datangnya malam Lailatul Qadar dari Rasulullah SAW, ketika itu beliau bertanya: "Siapa diantara kalian yang pernah melihat bulan pada waktu malam muncul seperti retak tempurungnya?"*

Dari hadis tersebut kita dapat simpulkan bahawa Lailatul Qadar datang pada akhir bulan Ramadhan, kerana bulan dengan bentuk yang ditunjukkan Nabi SAW tidak datang kecuali pada akhir bulan.

2. Sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan

Rsulullah saw. pernah memberikan penjelasan bahawa malam yang penuh dengan kebaikan (lailatul qadar) biasanya jatuh pada malam ganjil pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan. Dalam hadis sahih Rasulullah sabdanya:

"Carilah dia (lailatul qadar.) di sepuluh terakhir di bulan Ramadhan pada hitungan ganjil."

(HR. Bukhari Muslim).

3. Tujuh malam terakhir bulan Ramadhan

Dari Ibnu Umar ra, ada beberapa orang sahabat Nabi SAW yang bermimpi bahawa Lailaitul Qadar akan datang pada pada tujuh malam terakhir bulan Ramadhan, Rasulullah SAW bersabda:

> *"Aku juga melihat ru'yah kalian pada tujuh malam terakhir bulan tersebut. Maka barang siapa yang menginginkannya, dapatkanlah malam tersebut pada tujuh malam terakhir"*

Walau bagaimanapun, sekiranya kita sudah ketinggalan 3 malam pertama dari 10 malam terakhir maka carilah pula 7 malam yang terakhir. Ini bersandarkan hadis oleh Ibnu Umar ra, ia berkata, bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

> *"Dapatkanlah Lailatul Qadar pada sepuluh malam terakhir bulan Ramadhan, apabila kalian merasa lemah atau tidak mampu melaluinya maka jangan sampai kalian kehilangan tujuh malam berikutnya"*

Lebih dekat lagi kebanyakan ulama' menguatkan pendapat yang mengatakan malam tersebut adalah malam yang kedua puluh tujuh. Pendapat ini dikuatkan oleh hadis-hadis yang menjelaskannya. Di antaranya perkataan Rasulullah SAW:

> "B*arang siapa mencarinya, maka carilah di malam yang ke-27."*

(HR. Ahmad)

Menurut Imam al-Ghazali, Lailatul Qadar dapat diketahui dengan cara melihat awal bulan Ramadhan. Sekiranya awal Ramadhan hari Ahad atau Rabu maka malam lailatul qadar akan jatuh pada malam ke-29. Sekiranya awal Ramadhan hari Isnin, maka malam lailatul qadar akan jatuh pada malam ke-21**. Sekiranya awal Ramadhan hari Selasa atau Jumaat, maka malam lailatul qadar akan jatuh pada malam ke-27**. Sekiranya awal Ramadhan hari Khamis, maka malam lailatul qadar akan jatuh pada malam ke-25. Sekiranya awal Ramadhan hari Sabtu, maka malam lailatul qadar akan jatuh pada malam ke-23.

Dari berbagai versi hadis yang telah disebutkan, jelas terbukti bahawa Lailatul Qadar jatuh pada sepuluh malam terakhir bulan Ramadhan. Terdapat riwayat Muslim menyatakan bahawa Lailatul Qadar jatuh pada tujuh malam terakhir sedang riwayat Imam al-Bukhari ada yang melihat jatuh pada malam ketujuh dan ada yang melihat sepuluh terakhir.

Adapun pendapat yang dianggap kuat adalah pendapat yang mengatakan bahwa Lailatul Qadar jatuh pada hari ganjil sepuluh terakhir bulan Ramadhan, dan dari hari ganjil itulah terpilih malam dua puluh tujuh.

Namunh begitu, langkah terbaik ialah dengan sentiasa mengoptimumkan 10 malam terakhir dalam bulan yang penuh rahmat ini. Dengan begitu kita tidak khuatir akan terlepas dari malam lailatul qadar, karena kita mencarinya hanya pada malam-malam tertentu.

Tanda-Tanda Lailatul Qadar

Kemudian untuk lebih meyakinkan kita, bagaimana mencari datangnya malam ini, Rasulullah saw menjelaskan Lailatul Qadar mempunyai ciri dan keistimewaan tersendiri yang tidak dapat kita kenali kecuali setelah berlalunya malam tersebut. 3 ciri atau keistimewaan yang telah disebutkan dalam hadis sahih adalah;

1. Cuaca pada malam itu tidak sejuk and tidak panas dan terbitnya matahari seperti biasa akan tetapi memancarkan cahaya redup (tidak bersinar terang seperti biasa), berdasarkan sebuah hadis diriwayatkan dari Ibnu Khuzaimah dari hadis Ibnu Abbas, ia berkata::

> *"Ketika Lailatul Qadar pergi meninggalkan, **bumi tidak terasa dingin**, **tidak juga panas**, dan **matahari terlihat berwarna merah pudar"***

Daripada hadis Ahmad:

> *"Pada hari itu tidak terasa panas ataupun dingin, dunia sunyi, dan rembulan bersinar"*

2. Malam tersebut juga langit akan bersih dari awan-awan dan bintang–bintang jelas kelihatan. Ini berdasarkan sebuah hadis diriwayatkan oleh Imam Thobroni, bahawa Nabi SAW bersabda :

> *" Malam al-qadar itu terang dan cerah langitnya, suhunya tidak begitu sejuk dan tidak begitu panas, dan tidak ada bintang yang dilempar-lempar (meteor)."*

Ada sebahagian pendapat yang mengatakan bahawa salah satu ciri datangnya malam Lailatul Qadar adalah melihat segala sesuatu yang ada di bumi ini tertunduk dan sujud ke hadirat-Nya. Sebahagian lain mengatakan pada malam itu dunia

terang benderang, di mana kita dapat melihat cahaya di mana-mana sampai ke tempat-tempat yang biasanya gelap. Ada juga yang mengatakan orang yang mendapatkan malam Lailatul Qadar dapat mendengar salam dan khutbahnya malaikat, bahkan ada yang mengatakan bahwa salah satu ciri tersebut adalah dikabulkannya do'a orang yang telah diberikannya taufik. Walau bagaimanapun, ini merupakan petanda-petanda yang hanya bersandarkan pada pengalaman mereka yang telah melaluinya. Mungkin ada kebenarannya.

3. Manakala bukti pada diri kita pula sekiranya kita telah mendapatkannya, semakin bertambah amal ibadah kita, baik secara kuantiti maupun kualiti pada waktu-waktu mendatang.

Amalan dan Keistimewaan Malam Lailatul Qadar

Yang terpenting untuk selalu di ingat dan diperhatikan adalah bahwa malam ini adalah malam yang penuh dengan keutamaan, kedudukannya sangat mulia di sisi Allah, di mana seorang Muslim dianjurkan untuk mengisinya dengan ibadah dan memperbanyak do'a terutama do'a yang terdapat dalam hadis Aisyah RA:

> *"Aku (Aisyah) berkata": "Wahai Rasulullah beritahukanlah kepadaku, apabila datang malam lailatul Qadar, do'a apakah yang harus aku baca?" Bersabda Rasulullah "bacalah: "Ya Allah, engkau adalah dzat yag maha pemaaf, maka maafkanlah semua dosa dan salahku"*

Dari Abi Hurairah ra, bahawasanya Nabi bersabda:

> *"Barang siapa yang bangun untuk beribadah pada malam Lailatul Qadar dengan penuh keimanan dan mawas diri, maka Allah akan mengampuni dosanya yang telah lalu"*

Imam Sowiy berkata dalam tafsirnya: *"Dan do'a yang paling utama pada malam itu adalah memohon ampunan, maaf dan kesehatan kepada Tuhannya."* Dan baik juga jika waktunya dalam sepanjang malam tersebut, seseorang itu memilih bacaan yang banyak pahalanya, seperti ayat Kursi, ayat-ayat terakhir dari surat al-Baqarah, surat al-Ikhlas, memperbanyak istighfar dan sedeqah.

Malam Lailatul Qadar adalah malam yang ditunggu dan diharapkan kedatangannya di mana semua do'a akan diterima, di mana para malaikat diturunkan ke bumi, pintu-pintu rahmat dibukakan bagi mereka yang beriman dan beramal soleh. Maka berbahagialah orang-orang yang dapat mensucikan dirinya dari rasa dengki dan menenggelamkan diri dalam shalat, selawat, dalam dzikir dan do'a, memperbanyak membaca al-Quran, dan memohon keampunan pada Zat Yang Maha Pengampun.

HARI-HARI TERAKHIR RAMADHAN 1425 H

Dari Jabir, dari Nabi SAW bahwa beliau bersabda**:**

> *" Apabila tiba malam terakhir dari bulan Ramadhan, maka menangislah langit, bumi dan para malaikat atas musibah yang menimpa umat Muhammad SAW."*

Seseorang bertanya*:"Ya Rasulullah, musibah apakah itu?"*

Jawab Rasulullah SAW***:***

> ***"Perginya bulan Ramadhan. Kerana sesungguhnya doa-doa di waktu itu dikabulkan, sedekah-sedekah diterima, kebaikan-kebaikan dilipatkan, sedang azab ditahan."***

Oleh kerananya, musibah manakah yang lebih besar daripada perginya bulan Ramadhan. Apabila langit dan bumi saja menangis demi kita, maka kita lebih patut menangis dan menyesali atas terputusnya keutamaan-keutamaan dan kemuliaan-kemuliaan ini dari kita. Rasulullah SAW juga bersabda:

> *"**Alangkah kecewanya orang yang sejak tiba bulan Ramadhan hingga habis bulan tidak diberi ampunan"***

Orang yang seperti itu akan menyesal kerana melalaikan ibadah dalam bulan Ramadhan; demikian puasanya pula hampa belaka, kerana tidak mendapat kurnia ampunan Allah SWT.

Kita semua mengetahui bahwa bulan Ramadhan adalah bulan rahmat, bulan kasih sayang. Pada bulan ini, Allah melimpahkan kasih sayang-Nya pada kaum Mukmin. Pada gilirannya, kita pun diperintahkan menyebarkan kasih sayang pada segenap makhluk-Nya. Pada bulan Ramadhan misalnya, Allah mendidik kita untuk merasakan lapar dan dahaga, supaya tumbuh pada diri kita rasa sayang pada mereka yang dalam hidupnya sentiasa bersahabat dengan lapar dan dahaga. Pada akhir Ramadhan, kita wujudkan rasa kasih ini dengan mengeluarkan zakat fitrah. Seperti kata Rasulullah SAW:

> *" Inilah bulan yang pada awalnya kita sebarkan kasih sayang, pada pertengahannya kita taburkan ampunan, dan pada akahirnya kita membebaskan diri dari api neraka.*

Setelah berakhirnya bulan Ramadhan, kaum muslimin akan merayakan I'dul Fitri. Kita akan berkumpul dengan saudara-saudara kita, sesama kaum Muslim ,untuk menyampaikan syukur ke hadirat Allah SWT.

Maka bermuhasabahlah kita, tangisilah Ramadhan yang telah meninggalkan kita. Telah kita selesaikan tiga puluh hari yang penuh ibadah dan kesucian. Telah kita tinggalkan saat-saat bahagia ketika kita berkumpul bersama keluarga selesai azan maghrib; saat-saat yang indah ketika kita memenuhi masjid untuk menuntut ilmu, tadarus, dan tarawih; saat-saat yang khidmat ketika kita bangun di waktu dini hari; makan sahur seraya menjelang azan subuh kita isi dengan dzikir, istighfar, dan doa. Kita akan tinggalkan bulan yang bukan saja dipenuhi

ibadah kepada Allah, tetapi juga bulan ketika kita menaburkan kasih-sayang kepada sesama hamba Allah.

Bertanyalah pada diri malam ini :

> Apakah akan aku bertemu lagi dengan Ramadhan ini ?
> Adakah sudah ku penuhi Ramadhan ini dengan ibadah ?
> Adakah amalan ku ini akan diterima Allah SWT ?
> Apakah malam-malam Ramadhan telah ku hiaskan dengan gelak tawa atau dengan tangisan taubat ?
> Adakah di Ramadhan ini telah aku lagukan ia dengan alunan Quran, zikir, selawat……..

Akhirnya marilah bersama-sama kita berdoa moga-moga Allah swt menerima segala ibadat kita terutama di bulan Ramadhan ini. Moga kita akan bertemu lagi dengan bulan Ramadhan ini. Bulan yang penuh dengan maghfirah dan rahmat Allah swt.